

05 JAN 2000

Ali-Bencana

MELAKA LULUS PERUNTUKAN TAMBAHAN BANTU MANGSA BENCANA ALAM

MELAKA, 5 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka hari ini meluluskan kenaikan sehingga lima kali ganda kadar bantuan kepada mangsa bencana alam di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata mangsa yang kehilangan tempat tinggal atau mengalami kemusnahannya akibat kejadian bencana alam mulai sekarang akan menerima bantuan berjumlah RM6,000.

Beliau berkata sebelum ini kadar bantuan yang dikeluarkan bagi kategori mangsa seperti itu ialah sebanyak RM1,000.

Mohd Ali berkata bantuan yang dikeluarkan itu adalah daripada Tabung Bencana Alam Negeri yang kini telah mengumpul sebanyak RM600,000 bagi membantu mangsa yang ditimpa bencana alam

"Kadar bantuan sebanyak RM1,000 terlalu rendah dan tidak sesuai lagi untuk membaiki atau membina rumah semula, oleh itu pertambahan sebanyak RM5,000 lagi diharap dapat meringankan beban mereka," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Mohd Ali berkata kadar baru bantuan itu berkuatkuasa mulai 1 Jan dan semua mangsa yang terlibat dalam bencana alam dan memerlukan bantuan itu diminta membuat laporan kepada anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) di kawasan masing-masing.

Beliau juga berkata kerajaan negeri akan membuat pindaan terhadap enakmen kerajaan tempatan bagi memperkenalkan hukuman lebih berat kepada mereka yang menjalankan kegiatan mesin perjudian video.

Menurutnya, cadangan pindaan itu akan melibatkan peningkatan jumlah kompaun antara RM3,000 hingga RM5,000 manakala denda dicalangkan antara RM5,000 dengan RM50,000 bagi mereka yang disabitkan kesalahan di mahkamah.

"Cadangan itu juga akan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau polis diberikan kuasa untuk menyita premis yang terbabit bagi mengelakkan pengusaha menjalankan semula kegiatannya," katanya.

Usul bagi meminda peraturan itu akan dibentangkan pada persidangan dewan undangan negeri akan datang, katanya.

Mohd Ali juga mengumumkan bahawa pelancaran Festival Pelancongan Melaka yang dijadual akan dilakukan di KLCC, Kuala Lumpur pada 27 Jan ini telah ditunda ke 18 Feb depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan akan merasmikan pelancaran festival itu, katanya.

Sementara itu, Mohd Ali berkata beliau akan mengadakan perjumpaan dengan semua pemaju yang diberi konsesi 19 projek penambakan laut di sini pada 18 Jan ini bagi membincangkan beberapa perkara berkaitan projek itu.

Beliau berkata selepas perjumpaan itu satu dialog pula akan diadakan dengan masyarakat Portugis yang mendakwa pendapatan mereka sebagai nelayan akan terjejas dengan pelaksanaan projek penambakan itu.

Projek penambakan pantai itu terbahagi kepada dua iaitu enam projek bagi penambakan pantai manakala 13 projek lagi melibatkan pembinaan pulau buatan yang bertujuan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar di kawasan seluas 2,835 hektar.

-- BERNAMA

MYD NMO